

Empangan Klau dibina ambil kira alam sekitar – Najib

Um- 9/3/2007

Daripada ROSNI HASSAN


OSAKA 8 Mac - Datuk Seri Najib Tun Razak berkata, pembinaan Empangan Klau di Pahang bagi membekalkan air mentah ke Selangor dan Lembah Klang berkemungkinan besar dilaksanakan walaupun syarikat tempatan mengemukakan cadangan alternatif mengenai langkah yang boleh diambil untuk menampung keperluan bekalan air di kawasan itu.

Menurut Timbalan Perdana Menteri, pembinaan empangan yang dibantah kerana didakwa menyebabkan pencemaran alam sekitar itu diteruskan kerana kerajaan telah menandatangani perjanjian dengan Japan Bank for International Cooperation (JBIC) untuk melaksanakannya.

Beliau bagaimanapun memberi jaminan syarikat tempatan boleh mengambil bahagian dalam projek itu menerusi tender kerana perjanjian pinjaman tidak mengenakan syarat untuk syarikat tempatan terbabit dalam pelaksanaan projek itu.

Katanya, kerajaan juga akan memastikan kesan terhadap alam sekitar dan faedah kepada negara dalam melaksanakan projek itu diberi perhatian dengan melakukan kajian mendalam mengenainya.

"Tidak bermakna kita buat keputusan tergesa-gesa tetapi kita akan kaji segala aspek. Masalah air ini kritikal, jika kita tidak buat masa ini, suatu ketika apabila sampai tahun 2010 atau 2011, kita akan hadapi keadaan yang amat genting (masalah bekalan air).



NAJIB Tun Razak mendengar penerangan daripada Hayashi Hideki (kanan) yang menunjukkan model struktur kalis gempa bumi semasa berkunjung ke Institut Peringatan Pengurangan Bencana Gempa Bumi dan Pengubahsuaian Manusia Hanshin-Awaji Utama (DRI) di Jepun, kelmarin.

- Gambar Bernama

"Mahu tidak mahu kita kena buat persediaan awal," katanya kepada pemberita mengenai hasil lawatan rasminya selama empat hari ke Jepun yang berakhir hari ini.

Februari lalu, Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar Datuk Seri Azmi Khalid

berkata, Kajian Penilaian Kesan Alam Sekitar (ELA) projek Empangan Klau sudah dilakukan dan diluluskan.

Katanya, beberapa jenis flora dan fauna di kawasan berkenaan akan ditenggelami air termasuk sebahagian sebahagian daripada Hutan Simpan Lakum seluas 1,000

hektar di luar bandar Raub.

Selain itu, apabila dicantumkan dengan kawasan Felda, tanah rizab Orang Asli dan tanah milik persendirian, luas kawasan yang akan ditenggelami adalah lebih daripada 1,000 hektar.

Empangan itu mempunyai kawasan takungan seluas 2,300 hektar dan apabila siap dijangka dapat memindahkan kira-kira 1.5 bilion liter air sehari ke Sungai Langat di Selangor untuk kegunaan lebih lima juta penduduk di negeri itu, Kuala Lumpur dan Putrajaya.

Namun, projek itu mendapat bantahan penduduk yang menubuhkan jawatankuasa bertindak dengan menghantar memorandum kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Turut membantah ialah aktivis alam sekitar kerana bimbang ia akan menjejaskan persekitaran dan khazanah hutan negara.

Berikutan itu, mereka mencadangkan pembinaan paip penyaluran air dari sungai di Pahang untuk membekalkan air ke Lembah Klang.

Difahamkan, syarikat tempatan juga mengemukakan alternatif yang sama bagi memastikan bekalan air mencukupi untuk keperluan masa depan.

Empangan bernilai RM3.8 bilion itu bakal memberi laluan kepada pembinaan terowong air sepanjang 45 kilometer merentasi Banjaran Titiwangsa dari Pahang ke Selangor yang dijangka dilaksanakan dalam Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9).

- Utusan